

**THE IMPLEMENTATION OF *BLOCKCHAIN* WAQF IN THE
MALAYSIAN ISLAMIC FINANCIAL SYSTEM**

**PELAKSANAAN WAKAF *BLOCKCHAIN* DALAM
SISTEM KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA**

Mahfuzah Hamizah Mohd Ariffⁱ, Ruzian Markomⁱⁱ,
Mohd Izzat Amsyar Mohd Arifⁱⁱⁱ & Faezy Adenan^{iv}

ⁱ Postgraduate Student, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia. p126633@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Associate Professor, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia. ruzian@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ (Corresponding author). Senior Lecturer, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia. izzatamsyar@ukm.edu.my

^{iv} Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA. faezyadenan@uitm.edu.my

| | |
|-----------------|---|
| Abstract | <p><i>Waqf plays an important role in the development of the socioeconomic landscape of Muslims, especially in efforts to eradicate poverty. Now, the waqf function is growing and has been implemented using blockchain financial technology (fintech) to obtain funds in a more effective way and improve the quality of waqf fund management. Blockchain waqf has been implemented in Malaysia. However, so far, there is still no provision in the Malaysian acts or enactments that specifically talks about waqf regulations using fintech systems. Therefore, this study was conducted to identify the definition and concept of blockchain waqf, analyse the legal challenges of blockchain waqf transactions in Malaysia, and further suggest improvements in the context of existing local practices and legislation regarding the issue of the use of financial technology in waqf matters. This study is qualitative research and uses content analysis methods to analyse the definitions, legal challenges, and suggestions for improvements to Malaysian legislation. As a result of this study, it was found that legislation that clearly talks about the definition, operation, and guidelines of this blockchain waqf should be enacted to overcome the challenges and loopholes in this waqf blockchain.</i></p> <p><i>Keywords: Blockchain, Waqf, Challenges, Law, Malaysia.</i></p> |
| Abstrak | <p><i>Wakaf berperanan penting kepada pembangunan lanskap sosioekonomi umat Islam terutamanya dalam usaha menghapuskan kemiskinan. Kini, fungsi wakaf semakin berkembang dan telah dilaksanakan menggunakan teknologi kewangan Blockchain untuk memperoleh dana dengan cara yang lebih berkesan serta meningkatkan kualiti pengurusan dana wakaf. Wakaf Blockchain telah dilaksanakan di Malaysia. Walau bagaimanapun, setakat ini masih belum ada peruntukan sama ada dalam akta dan enakmen negeri yang membicarakan secara khusus mengenai pengawal seliaan wakaf menggunakan sistem teknologi kewangan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti definisi dan konsep wakaf blockchain, menganalisis cabaran perundangan transaksi wakaf blockchain di Malaysia, dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan dalam konteks amalan dan perundangan tempatan yang sedia ada berkenaan isu pemakaian teknologi kewangan</i></p> |

| | |
|--|--|
| | <p><i>dalam urusan wakaf. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis definisi, cabaran perundangan serta cadangan penambahbaikan kepada perundangan Malaysia. Hasil daripada kajian ini, didapati bahawa suatu perundangan yang jelas membicarakan tentang definisi, operasi dan garis panduan wakaf blockchain ini haruslah diwujudkan untuk mengatasi kelompongan dalam wakaf blockchain ini.</i></p> <p><i>Kata kunci: Wakaf, Blockchain, Cabaran, Undang-Undang, Malaysia.</i></p> |
|--|--|

PENGENALAN

Wakaf merupakan satu amal kebajikan dalam Islam dengan cara menyerahkan harta yang kita miliki untuk kegunaan umat Islam atau masyarakat sejagat dengan niat untuk beribadah dalam usaha mendekatkan diri kita kepada Allah Ta'ala. Islam telah mensyariatkan, menganjur dan menjadikan wakaf sebagai salah satu agenda untuk mendampingi diri kepada Allah SWT bahkan diberikan ganjaran pahala yang cukup besar bagi sesiapa yang menginfakkan harta mereka ke jalan Allah melalui firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 261. Nabi Muhammad SAW sendiri amat menggalakkan umatnya supaya memperbanyakkan sedekah jariah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. yang bermaksud, "*Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya*" (Hadis. Muslim. *Bab Ma Yalhiqu al-Insan Min al-Thawab Ba'da Wafatihi*. 1631)

Menurut Rabiatul Hasanah et. al (2017), amalan wakaf ini amat penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat secara langsung. Wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi dengan cara menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, pendidikan dan ibadat. Apabila masyarakat mendapat kemudahan menerima rawatan kesihatan, pendidikan dan kemahiran, maka dari sudut insani ini bermakna mereka juga telah membangun. Para fuqaha berpendapat amalan wakaf merupakan ibadah yang berbentuk sedekah jariah yang menjanjikan ganjaran pahala yang berkekalan dan mengalir terus kepada pewakaf buat selama-lamanya dan sangat dituntut dalam agama Islam.

Teknologi kewangan merupakan suatu perkembangan teknologi dalam industri ekonomi seiring perkembangan dunia yang semakin maju menuju ke arah gagasan revolusi perindustrian ke-4. Keadaan ini ternyata telah mengubah hidup masyarakat menjadi lebih baik melalui sokongan teknologi tanpa sempadan. Begitu juga dalam teknologi kewangan Islam yang harus difahami secara luas kerana ianya bukan sekadar melibatkan industri perbankan semata-mata namun memiliki potensi yang luas untuk diterokai lagi demi perkembangan ekonomi umat Islam. Farrukh Habib (2018) menyatakan bahawa contoh teknologi tersebut ialah berkenaan teknologi kewangan dalam pengendalian urusan wakaf khususnya penggunaan sistem *blockchain*. Ianya adalah satu perkhidmatan penyelesaian masalah yang sangat berpotensi untuk memastikan pematuhan kontrak transaksi yang telus. Teknologi moden ini berpotensi untuk dioptimumkan kerana ia mampu dikembangkan ke peringkat dunia bagi membantu meningkatkan status ekonomi umat Islam di seluruh dunia, tidak terhad dalam negara sahaja.

Menurut Salman Ahmed Shaikh et al., (2017) salah satu cadangan untuk meningkatkan keberkesanan institusi wakaf kontemporari antaranya ialah dengan meningkatkan teknologi yang sesuai dengan peredaran zaman. Meskipun hakikatnya sebelum ini, sistem wakaf menggunakan teknologi sudah wujud dan menjadi amalan masyarakat Malaysia, namun masih terdapat pilihan rakyat untuk melakukan wakaf menggunakan kaedah manual seperti penyerahan wang untuk wakaf secara tunai, pendaftaran secara manual dengan pihak pengurus wakaf dan sebagainya. Namun, pandemik Covid-19 telah mempercepatkan perkembangan teknologi khususnya dalam agenda wakaf.

Terdapat *lacuna* dalam struktur urus tadbir wakaf yang sedia ada seperti isu berkaitan tahap ketelusan dan kebolehpercayaan yang harus diperkembangkan. Ini bagi membolehkan semua pihak yang berkepentingan boleh mendapat maklumat yang benar dan telus serta meningkatkan kesedaran keperluan wakaf *blockchain*. Di Malaysia, setakat ini masih belum ada peruntukan dalam akta dan enakmen negeri yang membicarakan secara khusus mengenai pengawal seliaan wakaf menggunakan sistem teknologi kewangan ini memandangkan ia adalah suatu inovasi baharu yang memerlukan kajian yang mendalam.

Oleh demikian, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti konsep wakaf melalui medium *blockchain*, menganalisis cabaran perundangan transaksi wakaf *blockchain* di Malaysia dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan dalam konteks amalan dan perundangan tempatan yang sedia ada berkenaan isu pemakaian teknologi kewangan dalam urusan wakaf.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kaedah penyelidikan. Menurut Lynn Silipigni Connaway dan Ronald R. Powell (2010) teknik pengumpulan data yang efektif masa kini adalah melalui kajian kepustakaan dan kajian sumber internet. Justeru kajian ini mengadaptasi kaedah pengumpulan data secara kajian perpustakaan dan juga atas talian. Data sekunder diperoleh daripada jurnal berkaitan, berita, laman sesawang rasmi teknologi kewangan Islam dan laporan badan pengawalselia dalam talian tentang wakaf, teknologi *blockchain* dan wakaf *blockchain*.

Analisis kandungan telah dijalankan melalui teknik penelitian data secara doktrinal dan komparatif daripada sumber yang dikenal pasti seperti pendekatan jurisprudens dan sejarah, perbandingan dan pendekatan analisis kritis dan seterusnya kajian melalui diskusi ilmiah seperti perbincangan dalam forum dan persidangan berkaitan wakaf *blockchain*. untuk mengemukakan isu cabaran pelaksanaan wakaf *blockchain* di Malaysia.

KONSEP WAKAF BLOCKCHAIN

Dalam kehidupan umat Islam, adalah tidak asing lagi berkenaan konsep *tabarru'* iaitu saling membantu kerana Islam itu sendiri adalah agama yang bermaksud kesejahteraan. *Tabarru'* ini menganjurkan agar umat Islam sentiasa bantu-membantu antara saudara-saudara Islam yang lain (Asmak Ab Rahman, 2009), bahkan bukan itu sahaja, terdapat suatu ketika di mana orang bukan Islam juga boleh mendapat manfaat daripada sikap tolong-menolong ini. Antara sistem *tabarru'* yang sudah terkenal menjadi amalan biasa dalam Islam ialah seperti amalan sedekah, zakat, hibah dan sebagainya. Wakaf juga termasuk sebagai kategori amalan tolong-menolong dalam masyarakat Islam. Selain itu, meskipun terdapat beberapa teori berbeza mengenai sejarah pengenalan wakaf ini, bahkan ada yang mengatakan bahawa ia telah wujud sebelum kedatangan Islam lagi, namun hakikatnya institusi wakaf mengikut syariat Islam inilah yang telah berkembang dan terus membangun sehingga ia menjadi salah satu instrumen yang penting dan paling utama dalam membantu pembiayaan dan kemajuan masyarakat Islam, mengukuhkan lagi konsep *tabarru'* yang dinyatakan sebelum ini (Razali Othman, 2015).

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, institusi wakaf ini sudah berkembang berbanding dengan institusi wakaf dahulu, bahkan masih dalam proses untuk berkembang dengan lebih pesat, justeru dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan gaya hidup umat Islam. Contoh-contoh sejarah yang menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan negara seperti di Turki serta negara Mesir yang mana masing-masing mampu meningkatkan taraf hidup mereka dan mengembangkan perkembangan negara melalui institusi wakaf tersebut (Rabiatul Hasanah et al., 2017). Hal ini menunjukkan lagi bahawa peranan wakaf adalah sangat penting dan besar impaknya sekiranya kita dapat memanfaatkan sistem wakaf itu sendiri, lebih-lebih lagi seandainya ia dipadankan dengan teknologi zaman moden yang dapat membantu dalam perkembangan wakaf ini sesuai dengan arus globalisasi.

Di Malaysia, wakaf telah berkembang dalam penawarannya melalui pelbagai platform bermula dari saluran tradisional seperti penyerahan dari tangan ke tangan, saluran internet, saluran ATM, saluran aplikasi dan yang terkini melalui saluran *blockchain* (Lahsasna, 2018). Menurut Hazik Mohamed dan Hassnian Ali (2018), dunia sekarang merupakan suatu era baru iaitu zaman digitalisasi yang semakin canggih dan adalah menjadi satu kerugian yang besar jika institusi kewangan Islam tidak memanfaatkan sistem ini sebaik mungkin atau tidak berusaha untuk menyempurnakan serta meningkatkan keberhasilan dalam institusi ini melalui teknologi *blockchain* dan teknologi kewangan sekarang. Teknologi *blockchain* itu sendiri mempunyai potensi yang sangat memberangsangkan seandainya ia diterapkan dengan menyeluruh dalam institusi ekonomi serta kewangan bagi negara-negara dengan populasi majoritinya menganut agama Islam.

SOROTAN AWAL KEWUJUDAN WAKAF MELALUI MEDIUM *BLOCKCHAIN*

Blockchain adalah salah satu inovasi utama yang telah mengubah struktur ekonomi dunia. Salah satu faktor *blockchain* diperkenalkan adalah untuk membantu aliran mata wang kripto antara negara-negara dengan mudah dan selamat. Menurut penulisan Nurul Izzati Abd Razak et al., (2020) dan Watanabe et al., (2016) rangkaian blok ini merujuk kepada lejar yang merekodkan semua transaksi dan ia dikongsi antara semua peserta rangkaian mata wang kripto seperti bitcoin. Teknologi *blockchain* pertama kali diperkenalkan oleh Satoshi Nakamoto pada 2008 bertujuan sebagai lejar awam untuk meningkatkan perkembangan pemakaian mata wang kripto yang dikenali sebagai Bitcoin.

Sehingga kini, penerapan teknologi *blockchain* semakin dikembangkan dalam aspek lain juga dan semakin banyak penyelidikan dilakukan yang menunjukkan terdapatnya peningkatan minat terhadap penggunaan teknologi tersebut dalam sektor perkhidmatan ekonomi. Keadaan ini termasuklah penerapan *blockchain* dalam sistem dan perkhidmatan kewangan Islam. Antara bukti bahawa institusi kewangan Islam semakin menunjukkan minat yang positif terhadap penggunaan *blockchain* ialah berdasarkan kajian penerapan teknologi *blockchain* dalam mengembangkan mata wang digital dari perspektif Islam yang dilakukan oleh Zubaidi dan Abdullah (2017). Penggunaan *blockchain* dapat memberikan alternatif yang lebih baik kepada sistem wang fiat semasa (Nurul Izzati et al., 2020).

Menurut Elsrug (2019), teknologi *blockchain* ini dapat meningkatkan keberkesanan wakaf kerana ia dikatakan sebagai teknologi yang cekap dalam operasinya, terutamanya dalam memastikan urus tadbir yang baik dan ketelusan yang tinggi kepada pihak yang terlibat dengan wakaf.

KONSEP WAKAF DALAM MEDIUM *BLOCKCHAIN*

Blockchain ialah sejenis lejar awam yang menyimpan semua data transaksi atau kegiatan digital yang dilaksanakan atau dikongsi antara pihak yang mengambil bahagian dalam teknologi ini. Sebelum transaksi dapat disimpan, data yang masuk akan mengalami proses enkripsi dan disahkan oleh pihak lain yang mengambil bahagian, setelah itu blok data baru akan ditambahkan ke rantai dan data-data ini dapat dilihat oleh semua pengguna di *blockchain* awam atau hanya kepada peserta yang dikenali dalam *blockchain* peribadi yang dibenarkan. Yang paling penting, setelah blok data tersebut dibuat, ia tidak boleh dihapuskan atau dipinda lagi. Maka idea dan tujuan di sebalik *blockchain* ini adalah untuk mencipta sebuah teknologi dengan sumber yang terbuka, neutral, berpusat, tanpa sempadan dan tahan rentas rangkaian (Farrukh Habib, 2018). *Blockchain* adalah digital yang merupakan pusat teknologi lejar untuk merakam apa sahaja nilai yang dihantar kepadanya. Kebaikannya adalah ia telus, tidak boleh rosak, desentralisasi, kuat, tidak berubah dan cekap (Farrukh Habib, 2018).

Risanda et al (2020) menyatakan bahawa pengurusan wakaf adalah lebih produktif apabila menggunakan sistem *blockchain* kerana teknologi ini dapat membuka kepada peluang peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan wakaf dari dua pihak, iaitu hubungan antara Mawqaf Alaih dan Waqif dalam satu sistem wakaf *blockchain*, sumbangan transaksi wakaf dapat dilakukan dengan tahap ketelusan yang tinggi. Selain itu, jika wakaf

dilaksanakan berasaskan *blockchain*, ia dapat dipantau dan dilaksanakan oleh *Waqif* dari segenap pelosok dunia, maka peluang untuk melaksanakan wakaf merentas benua dari satu negara ke negara lain adalah sangat memberangsangkan, terutamanya bagi menyerahkan harta wakaf kepada negara-negara yang sangat memerlukan dana untuk pembangunan mereka.

Selain itu, Syed Hamid (2018) menyatakan bahawa wakaf *blockchain* dapat beroperasi dengan sistem *blockchain* tersebut melalui langkah permulaan oleh peserta untuk membuat cadangan atau proposal untuk mendapatkan dana daripada penyumbang-penyumbang yang berminat untuk membangunkan suatu aset wakaf, dan apabila cadangan pembangunan wakaf tersebut diterima, maka sistem akan menetapkan jumlah atau kadar yang akan diedarkan kepada para penyumbang dalam kadar masa yang singkat. Teknologi ini akan membantu mengatasi masalah proses mendapatkan modal untuk pembangunan yang lambat jika terpaksa melalui saluran institusi kewangan bagi mendapatkan pinjaman. Setelah itu, apabila penyumbang menerima proposal tersebut, dan memberi sumbangan dalam bentuk wakaf tunai, maka pewakif aset atau tanah yang ingin dibangunkan tersebut akan menerima modal untuk membangunkan aset wakaf.

CABARAN PELAKSANAAN WAKAF *BLOCKCHAIN* DI MALAYSIA

Berita Harian (2021) melaporkan bahawa Menteri Agama, Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri telah melancarkan Sijil Wakaf *Blockchain* Pelaburan ASEAN Mall dan kempen One Day One Waqaf Info (ODOWI) anjuran Uniti Asia Business Group. Projek ini sangat bermanfaat kepada masyarakat Islam kerana ia bukan sahaja memberi peluang dan kebaikan kepada pelanggan untuk melaksanakan ibadah wakaf dengan memberikan sebahagian harta mereka untuk perkara kebaikan, namun turut membantu golongan memerlukan yang akan dapat manfaat daripada kejayaan projek tersebut.

Blockchain ini sangat masyhur penggunaannya dalam teknologi atas talian zaman sekarang kerana kebolehan teknologi untuk menyimpan rekod sesuatu dengan cekap. Beliau menggunakan analogi anyaman tikar dalam menjelaskan bagaimana *Blockchain* ini sangat telus dalam menyimpan rekod kerana semasa menganyam tikar, anyaman tersebut sudah tidak boleh diubah atau diundur balik, menyebabkan ianya adalah sangat sukar untuk mengubah suatu maklumat yang telah direkodkan dalam *blockchain*. Tambahan pula, kesukaran untuk mengubah rekod tersebut bertambah jika tikar ini dianyam oleh ramai orang. Situasi ini sama juga dengan *blockchain*, iaitu banyak komputer dari seluruh dunia yang digunakan untuk merekodkan maklumat dalam *Blockchain* dan untuk menukar rekod tersebut, ia akan memerlukan lebih dari majoriti komputer terbabit; iaitu suatu perkara yang hampir mustahil untuk dilakukan. Oleh itu, dalam wakaf *blockchain*, rekod tersebut tidak boleh ditukar sewenang-wenangnya oleh sesiapa sahaja sama ada oleh pengguna biasa atau pihak yang membangunkan sistem ini, risiko penggodaman dan jenayah menipu 'scam' juga sangat rendah; menyebabkan integriti sesuatu entiti pengendali wakaf itu meningkat sekaligus dapat mengatasi masalah yang biasa melanda institusi wakaf, iaitu kepercayaan. Sistem ini sendiri adalah bersifat amanah.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DALAM KONTEKS AMALAN DAN PERUNDANGAN TEMPATAN YANG SEDIA ADA BERKENAAN ISU PEMAKAIAN TEKNOLOGI KEWANGAN DALAM URUSAN WAKAF

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dalam konteks amalan dan perundangan tempatan yang sedia ada berkenaan isu pemakaian teknologi *blockchain* dalam urusan wakaf. Azmi Omar (2018) menyatakan bahawa wakaf telah memainkan peranan utama dalam ekonomi banyak negara membangun di seluruh dunia, justeru mencadangkan agar pihak berkuasa meninjau kembali perkara-perkara seperti struktur tadbir urus yang benar, peraturan perlu dipinda untuk mengawalselia operasi dan pengurusan wakaf secara berasingan, dan juga merancang strategi pelaburan bagi pembangunan wakaf agar ia memenuhi tujuan wakaf itu.

Pengkaji berpendapat bahawa masalah yang dihadapi oleh institusi wakaf adalah dari segi pengurusannya yang boleh dipertingkatkan lagi. Oleh itu, pengkaji bersetuju dengan usaha pihak-pihak pemaju sekarang yang ingin memanfaatkan teknologi *blockchain* bagi tujuan menguruskan rekod wakaf agar tiada ketirisan atau manipulasi rekod pembayaran pelaburan wakaf boleh dilakukan oleh mana-mana pihak tidak bertanggungjawab. Jika dilihat sekarang, wakaf *blockchain* sudah diimplementasikan oleh badan-badan syarikat seperti Uniti Asia dan juga Finterra, namun kekurangannya ialah tiada peruntukan yang jelas mengenai perundangan yang akan melindungi atau mengawal selia aktiviti tersebut, menyebabkan wakaf melalui medium *blockchain* itu sendiri masih di awang-awangan.

Oleh itu, sekiranya terdapat satu perundangan atau garis panduan yang tepat dan menyeluruh dirangka untuk pembangunan wakaf, sudah semestinya potensi wakaf dapat dikembangkan lagi dan meningkatkan produktiviti wakaf itu sendiri kerana ia merupakan aspek penting bagi suatu kemajuan. Harta wakaf memang banyak, namun perundangan yang utuh adalah diperlukan untuk melicinkan lagi struktur urus tadbir dan meningkatkan aspek ketelusan pengurusan wakaf tersebut bagi menyokong usaha peningkatan kualiti wakaf.

PENUTUP

Kesimpulannya, setiap perbincangan dalam penulisan ini adalah dilakukan dengan berpaksikan kepada objektif kajian ini dilakukan dalam usaha pengembangan satu disiplin ilmu yang baru agar ia bermanfaat untuk kajian wakaf *blockchain* akan datang. Seterusnya, cadangan yang telah diberikan tersebut adalah satu pengembangan kepada cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji lain agar pihak kerajaan dan penggubal undang-undang atau polisi memandang ia sebagai satu keperluan untuk mewujudkan perundangan berkenaan wakaf *blockchain*. Selain itu, diharapkan juga agar melalui kajian ini, masyarakat Malaysia akan mendapat ilmu baharu mengenai wakaf *blockchain* dan berminat untuk membangunkan lagi institusi wakaf Malaysia dengan kemudahan teknologi *blockchain*, agar kita tidak ketinggalan dari negara-negara yang telah menggunakan *blockchain* dalam institusi kewangan masing-masing.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas tajaan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM) bertajuk, “Kerangka Perundangan Komprehensif Wakaf Bagi Pembangunan Wakaf Perumahan Di Malaysia” (Kod Projek: GGPM-2023-074) dan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) bertajuk, “Pembinaan Rangka Kerja Undang-undang Komprehensif dan Kawal Selia Aplikasi Teknologi Kewangan Islam” (Kod Projek: GUP-2023-024)

RUJUKAN

Akta

Bank Negara Malaysia. (2019). Policy Document on Shariah Governance. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Buku

Connaway, L. S. & Powell, R.R. (2010). *Basic research methods for librarians*. 5. Santa Barbara: Libraries Unlimited.

Hazik Mohamed & Hassnian Ali. (2018). *Blockchain, fintech, and Islamic finance*. Boston : Walter de Gruyter GmbH & Co KG.

Khafad. (2018). *Asas Blockchain & Cryptocurrency*. Batu Caves : IM Books Everything.

Razali Othman. (2015). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Damansara : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Forum

- Ahcene Lahsasna. (2018). *Waqf & Blockchain: Shariah Compliance Requirements*. Slaid Forum Wakaf dan Blockchain Antarabangsa (IWBF) 2018. Anjuran Finterra Technologies Sdn Bhd dan Pusat Antarabangsa Penyelidikan Wakaf (ICWR). Bank Rakyat Convention Centre, Kuala Lumpur. 1 Mac 2018.
- Azmi Omar. (2018). *Global Challenges in the Development & Regulation of Waqf*. Slaid Forum Wakaf dan Blockchain Antarabangsa (IWBF) 2018. Anjuran Finterra Technologies Sdn Bhd dan Pusat Antarabangsa Penyelidikan Wakaf (ICWR). Bank Rakyat Convention Centre, Kuala Lumpur. 1 Mac 2018.
- Farrukh Habib. 2018. *Waqf on the Blockchain*. Slaid Forum Wakaf dan Blockchain Antarabangsa (IWBF) 2018. Anjuran Finterra Technologies Sdn Bhd dan Pusat Antarabangsa Penyelidikan Wakaf (ICWR). Bank Rakyat Convention Centre, Kuala Lumpur. 1 Mac 2018.

Jurnal

- Asmak, A. A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1), 113–152
- Elasrag, H. (2019): Blockchains for Islamic finance: Obstacles & Challenges. *Munich Personal RePEc Archive*. <https://mpira.ub.uni-muenchen.de/92676/>
- Nurul Izzati, A. R, Pg Mohd Faezul Fikri, A. O., Mohd Nasir, S., Haneffa, M. G., Norhamiza, I. (2020). Review of waqf blockchain for Islamic finance education: a case of Universiti Malaysia Sabah. *Journal of Critical Reviews* 7(19): 7191-7197.
- Rabiatul Hasanah, M., Shahida, S., Latifa Bibi, M. H., & Nazifah, M. (2017). Kawalan dalaman tadbir urus wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance* 8(Isu Istimewa): 49–58.
- Risanda A. B., Masitha, F. W., Foza Hadyu, H. & Febrianur I. F. S. P. (2020). Waqf blockchain untuk pengadaan alat kesehatan penanganan Covid-19: studi konseptual. *ZISWAF: Jurnal Zakat Dan Wakaf*, 7(2), 133.
- Salman, S., S, Abdul Ghafar, I., & Muhammad Hakimi, M. S., (2017). Application of waqf for social and development finance. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 9(1): 5–14.
- Walaa, J. A. (2021). Using blockchain in waqf, wills and inheritance solutions in the Islamic system. *International Journal of Economics and Business Administration*. IX (2) :101–116.
- Wan Mohd Al Faizee, W. A. R., Salmy Edawati, Y., & Mohamad Sabri, H. (2020). Pengurusan pembangunan portfolio aset wakaf: keterdedahan risiko dan pengurusannya. *Journal of Contemporary Islamic Law* 5 (1): 26-36.

Internet

- Majlis Agama Islam Johor. (t.t). Konsep Wakaf Tunai. <https://www.maij.gov.my/wakaf/konsep-wakaf-tunai> [diakses pada 5 Mei 2023].
- Mohd. Noor Omar. (2008.) Tadbir Urus Kewangan Islami. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2008/05/20/tadbir-urus-kewangan-islami/> [diakses 18 April 2023].

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.